

Newspaper	Utusan Melayu
Date	15/08/2017C

## Sendiri cari pasal, jangan salahkan orang lain

Oleh ZULKIFLEE BAKAR  
penyairang@utusan.com.my

**SEPERTI** diduga pemimpin-pemimpin Pakatan Harapan menghala serangan kepada Barisan Nasional (BN) dan UMNO apabila teretusnya kekecohan di forum *Nothing To Hide* anjuran Armada Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM), kelmarin.

Mereka cuba menggambarkan seolah-olah kekecohan yang teretus sudah dirancang bagi memburukkan Pakatan Harapan. Tetapi soalnya siapa yang menghadiri forum tersebut dan siapa yang menganjurkannya?

Bukankah yang hadir itu terdiri daripada ahli-ahli Armada? Bukankah sebelum ini di dalam sayap PPBM itu sememangnya sudah wujud perasaan tidak puas hati kepada kepimpinan Tun Dr. Mahathir Mohamad sebagai Pengerusi parti tersebut?

Oleh itu kenapa tidak pasal-pasal UMNO disalahkan apabila forum yang kononnya bertujuan untuk membolehkan Dr. Mahathir menjawab segala tuduhan mengenai kekayaan anaknya menjadi kecoh.

Forum itu kecoh bukan kerana UMNO tetapi disebabkan kegagalan Dr. Mahathir menjawab secara telus apa yang berlaku dalam peristiwa Memali. Justeru tidak payahlah Menteri Besar Selangor yang juga Timbalan Presiden PKR, Datuk Seri Mohammed Azmin Ali menuding jari terhadap UMNO.

Sebagai seorang pemimpin

### ANALISIS

kanan sebuah parti, Mohammed Azmin tidak harus menjadi 'batu api' atau 'tukang fitnah' dengan menuduh Najib menggunakan pendekatan gangsterisme bagi mencetuskan huru-hara dalam forum berkenaan.

Sepatutnya Mohammed Azmin membiarkan dahulu polis menjalankan siasatan bagi mengetahui siapa dalang sebenarnya. Lagipun selama ini sepanjang Dr. Mahathir mengadakan *road show* ke seluruh negara untuk menabur fitnah terhadap Perdana Menteri dan kerajaan semuanya berjalan lancar, tiada gangguan dan tiada kekecohan.

Melontar hujah dengan menuduh apa yang berlaku sebagai usaha untuk menutup mulut Dr. Mahathir bukan sahaja melucukan, malah menampakkan kejahilan pemimpin-pemimpin Pakatan Harapan seperti Mohammed Azmin untuk mengakui kelemahan sendiri.

Kalaulah kata-kata Dr. Mahathir boleh mengancam kerajaan, sudah pasti sejak awal lagi usaha menutup mulut bekas Perdana Menteri itu dilakukan dan bukannya menanti Forum *Nothing To Hide* diadakan.

Lagipun Dr. Mahathir tidaklah sehebat ketika beliau menjadi Perdana Menteri selama 22 tahun. Dendam kesumat dan perasaan benci yang mendalam

terhadap Najib menyebabkan beliau sanggup menggadaikan kedudukan dan prinsipnya sebagai Negarawan.

Oleh itu jangan cuba meracuni fikiran rakyat melalui cara memfitnah termasuklah mengaitkan UMNO dalam kes kekecohan tersebut. Faktanya, apa yang berlaku ialah kemuncak kemarahan ahli-ahli Armada PPBM terhadap Dr. Mahathir.

Sebelum ini ada antara mereka sudah melahirkan perasaan tidak puas hati terhadap kepimpinan Dr. Mahathir menerajui parti itu dan turut membuat laporan kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) bagi mendesak siasatan dijalankan untuk mengetahui bagaimana anak-anak bekas Perdana Menteri itu boleh kaya raya.

Kalaulah kepimpinan PPBM bijak, mereka sudah pasti sudah menjangkakan forum itu boleh mencetuskan kekecohan berikutan kemelut dalaman Armada. Tetapi disebabkan nafsu politik dan mahu menjadikan ia sebagai platform untuk memaki hamun Perdana Menteri dan UMNO seperti mana dilakukan oleh Dr. Mahathir dalam ucapan beliau di forum berkenaan, akhirnya ia mengundang padah, bak kata seorang kawan, bagaikan senjata makan tuan.

Justeru, jangianlah salah orang lain kerana kekecohan itu teretus berikutan pertembungan antara ahli-ahli Armada PPBM - sebuah parti yang ditubuhkan atas dasar dendam dan nafsu seorang pemimpin.



KEADAAN menjadi kecoh apabila para penyokong Armada PPBM bergaduh sesama sendiri semasa Forum *Nothing To Hide* 2.0 di Dewan Raja Musa, Seksyen 7, Shah Alam, kelmarin.